

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN

**DARIPADA : PUAN HAJAH ZURAIDA BINTI KAMARUDDIN
[AMPANG]**

TARIKH : 10 MAC 2015 (SELASA)

SOALAN :

**Puan Hajah Zuraida binti Kamarudin [Ampang] minta MENTERI
PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT
menyatakan:**

- a) tindakan Kementerian terhadap pengemis dan peleser warga asing yang giat menjalankan aktiviti mereka di hentian lampu merah.
- b) apakah langkah yang diambil oleh Kementerian agar perkara ini dapat dibendung.

JAWAPAN :

- a) Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) amat prihatin terhadap senario yang melibatkan golongan pengemis dan peleser warga asing. KPWKM melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) bertanggungjawab untuk menyelamatkan dan memulihkan orang papa (pengemis dan peleser) berdasarkan peruntukkan Akta Orang-Orang Papa 1977.

Bagi mereka yang pernah pergi bandaraya seperti Jakarta, Manila, Mumbai dan beberapa bandaraya di dunia ketiga, senario pengemis di hentian lampu merah dan jalan raya sudah menjadi kelaziman. Kehadiran golongan ini yang berkeliaran telah menimbulkan rasa gelisah dan kegusaran di kalangan pemandu-pemandu kenderaan dan pengguna jalan raya. Sehingga kini, tiada sebarang operasi menyelamatkan dilakukan di lokasi ini oleh JKJ kerana faktor keselamatan jalan raya dan kesukaran untuk mengesan kehadiran mereka ketika sedang mengemis.

JKM sentiasa menjalankan operasi berjadual, *ad-hoc* dan bersepadu dengan agensi-agensi lain untuk menyelamatkan orang papa. Antara agensi yang terlibat adalah pihak berkuasa tempatan, Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK), Jabatan Imigresen, Jabatan Pendaftaran, Jabatan Agama Islam dan pihak hospital. Dalam operasi bersepadu ini setiap agensi akan mengenal pasti orang yang diselamatkan. Setiap agensi bertindak mengikut bidang kuasa agensi masing-masing.

JKM sentiasa menjalankan pemantauan berkala di lokasi-lokasi yang dikenalpasti dan sekiranya masih terdapat pengemis atau peleser warga asing, mereka akan diselamatkan dan diserahkan kepada agensi yang berkaitan untuk tindakan selanjutnya.

- b) Dibawah Akta Orang Papa 1977, pengemisan boleh ditakrifkan sebagai apa-apa kelakuan yang mendorong kepada pemberian sedekah, berpura-pura menyanyi di jalanan atau menawarkan sesuatu untuk ditukarkan dengan wang ringgit. Penguatkuasaan

undang-undang sahaja tidak memadai tanpa usaha pendidikan kepada masyarakat dan kerjasama dengan agensi-agensi berkaitan

Sehubungan dengan itu, KPWKM akan terus memperkemas dan mengukuhkan lagi tindakan bersepadu pelbagai agensi yang telah dilaksanakan sebelum ini. Pelbagai usaha akan dipergiatkan ke arah meningkatkan kesedaran awam supaya tidak memberikan sumbangan kepada pengemis kerana yang secara tidak langsung ianya merupakan faktor isu pengemisan masih berterusan sehingga kini.

JKM juga bertindak sebagai urusetia kepada Jawatankuasa Bagi Menangani Isu Pengemisan di peringkat nasional dan juga wujud di peringkat negeri dan daerah. Jawatankuasa ini berperanan untuk menyelaraskan program serta merangka tindakan bersepadu antara agensi-agensi Kerajaan dan pertubuhan sukarela (NGO) yang berkaitan.

Disamping JKM, pihak berkuasa tempatan seperti DBKL boleh mengambil tindakan terhadap pengemis. Kuasa ini termaktub di

bawah Sek. (1) Akta Orang Papa 1977 : “Mana-mana pegawai yang diberi kuasa dengan sewajarnya secara bertulis oleh sesuatu pihak berkuasa tempatan dan yang bertindak di bawah arahan Ketua Pengarah atau mana-mana pegawai kebajikan masyarakat boleh mengambil ke dalam jagaannya mana-mana orang papa dan mengemukakan orang itu hadapan seorang Majistret dalam tempoh dua puluh empat jam”.

Pihak PBT melalui undang-undang kecil mereka, boleh juga mengambil tindakan bersesuaian dalam membentaras isu pengemisan dari terus berleluasa di kawasan pentadbiran masing-masing.